

FENOMENA MAT REMPIT DALAM KALANGAN BELIA: PERANAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN KOMUNITI KEPADA PEMBANGUNAN BELIA POSITIF

Mohd Mursyid Arshad, Ismi Arif Ismail dan Steven Eric Krauss

Golongan belia merupakan komposisi utama dalam struktur sosial. Harapan yang disandarkan oleh masyarakat kepada belia Malaysia adalah belia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi kemantapan rohani, akhlak dan jasmani, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik (Azimi *et al.*, 2002). Belia merupakan kumpulan pelapis yang akan mengisi barisan kepimpinan negara yang mampu mencorakkan landskap politik, ekonomi, sosial dan teknologi seperti yang digariskan dalam cabaran Dasar Belia Malaysia 2015. Penerusan agenda pembangunan belia memerlukan proses pembangunan identiti dan bakat baharu yang sentiasa perlu digilap melalui latihan profesional dan pendedahan yang meluas seperti kaedah pementoran. Dasar Belia Malaysia (2015) meletakkan lapan kumpulan sasaran belia dan salah satunya adalah belia berisiko.

Walau bagaimanapun, dalam merencanakan usaha untuk melahirkan belia seperti yang diharapkan negara, terdapat segelintir golongan belia yang telah terdedah kepada gejala sosial dan aktiviti yang tidak berfaedah, terutamanya aktiviti lumba haram dalam kalangan belia. Selain itu, segelintir belia yang terlibat dengan lumba haram sanggup mencuri motosikal bagi tujuan perlumbaan setelah diubah suai dan untuk mendapatkan alat ganti (Mohd Mursyid *et al.* 2010b; Sharifah *et al.*, 2010). Menurut Mohd Mursyid *et al.*, (2011), fenomena rempit sebenarnya adalah manifestasi evolusi perlumbaan motosikal haram yang telah wujud di Malaysia semenjak tahun 1970-an hingga 1980-an lagi. Fenomena ini kemudiannya berkembang kepada pelbagai kemahiran aksi di jalanan menggunakan

motosikal. Kegiatan belia bermotosikal yang lebih sinonim dengan aktiviti lumba haram atau 'merempit' telah menjadi salah satu tumpuan utama belia berisiko di Malaysia (Samsudin, 2007). Penglibatan belia terhadap aktiviti lumba haram adalah pada tahap yang membimbangkan kerana belia yang terlibat dalam gejala ini yang juga dikenali dengan 'Mat Rempit' didapati gemar menunggang dalam kumpulan yang besar (Yahya, 2009).

Kebimbangan umum adalah bagaimanakah keadaan negara pada masa hadapan sekiranya fenomena rempit ini tidak ditangani dengan sebaiknya? Untuk mencapai penyelesaian terhadap keseimbangan tersebut, penulisan ini akan memahami terlebih dahulu fenomena rempit, menyelami kehendak sebenar yang mereka ingin perolehi dan bagaimana peranan yang boleh dimainkan oleh keluarga dan komuniti dalam membantu mereka untuk membina aset dalaman dan luaran yang diperlukan dalam pembangunan belia positif. Pemahaman terhadap fenomena ini dapat membantu mengukuhkan asas kepada usaha membimbing mereka untuk bersama masyarakat bagi membina aspirasi negara. Justeru, pendekatan kajian kualitatif digunakan dalam memahami fenomena rempit secara mendalam untuk meneroka sejauh mana institusi kekeluargaan dan komuniti mempunyai kaitan dengan fenomena rempit.

Persoalan tentang fenomena ini membincangkan konteks institusi kekeluargaan yang mempunyai perkaitan rapat dengan ibu bapa serta ahli keluarga serta komuniti dan kesan secara tidak langsung terhadap fenomena rempit dalam kalangan belia kepada kelangsungan proses transformasi pembangunan belia Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes fenomenologi, penerokaan empirikal ini menganalisis fenomena rempit daripada perspektif institusi kekeluargaan bagi mentransformasikannya daripada satu cabaran kepada satu peluang untuk pembangunan belia positif.